

09/06/1999

Malaysia perluas penggunaan solar

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan akan menjadikan sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti sistem solar, sebagai bahan bakar kelima dalam keseluruhan sumber tenaga negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia sedang mengkaji kewajaran memperluaskan strategi tenaga sekarang, yang berasaskan kepada empat bahan bakar, supaya turut merangkumi sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

Empat bahan bakar yang menjadi sumber tenaga negara sekarang ialah minyak, gas, hidro dan arang batu.

Menurut Perdana Menteri, dalam Rancangan Malaysia Kelapan nanti, kerajaan akan mengenal pasti strategi pelaksanaan sewajarnya bagi pembangunan dan penggunaan sumber yang boleh diperbaharui.

"Ketika ini kejayaan strategi berasaskan empat bahan itu amat ketara dalam sektor elektrik. Ini dapat dilihat daripada pertumbuhan yang tinggi dalam penggunaan tenaga elektrik bagi tempoh dua dekad yang lalu.

"Kerajaan sudah menubuhkan Pusat Tenaga Malaysia untuk memaju dan menyelaraskan usaha memulakan projek menilai daya majunya dari segi ekonomi dan memudahkan pelaksanaan teknologi tenaga yang boleh diperbaharui, secara lebih baik," katanya.

Dr Mahathir berucap merasmikan Kongres Sedunia Mengenai Tenaga Yang Boleh Diperbaharui, di hotel Palace of The Golden Horses, di sini hari ini.

Kira-kira 300 peserta termasuk dari pelbagai agensi sektor awam dan swasta menyertai kongres empat hari itu, pertama diadakan di rantau Asia. Perdana Menteri turut melepaskan peserta cabaran basikal solar antarabangsa Malaysia (MISCC).

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata sudah tiba masanya bagi negara menumpukan kepada sumber tenaga yang boleh diperbaharui kerana semakin lama teknologi semakin canggih.

"Semasa pameran tadi, saya ditunjukkan satu panel solar yang boleh menyalakan lampu. Ia cuma berharga AS\$100 (RM380) bagi satu set lengkap dan tak perlu bayar lagi selepas itu ... sumber tenaga percuma.

"Satu lagi yang menarik perhatian saya ialah panel solar yang membekalkan tenaga elektrik pada siang hari, yang boleh dimasukkan dan dijual ke dalam grid.

"Lepas itu, pada waktu malam ia boleh digunakan balik pada lampu. Jual dan beli ini akan mengimbangi perbelanjaan terutama kalau di kampung," katanya.

Perdana Menteri berkata, kongres itu diadakan pada masa paling sesuai ketika negara menilai dasar tenaga nasionalnya ke arah sistem yang lebih mampan.

Menurutnya, Pusat Tenaga Malaysia akan memainkan peranan penting merapatkan jurang di antara penyelidikan dan pembangunan (R & D) dengan mengkomersilkan teknologi tenaga boleh diperbaharui.

Selain itu, ia juga akan bekerjasama dengan pertubuhan antarabangsa untuk membina keperluan bagi pelaksanaan program tenaga yang boleh diperbaharui untuk tujuan komersil.

Dr Mahathir berkata, Malaysia juga berminat untuk menubuhkan rangkaian serantau bagi pendidikan, latihan dan penyebaran maklumat mengenai tenaga yang boleh diperbaharui.

"Tenaga penting kepada kemajuan manusia tetapi bagi memastikan ia

digunakan bagi kemajuan manusia, kosnya tidak hanya terhad kepada kewangan semata-mata.

"Kos yang lebih penting ialah kesan penjanaan tenaga terhadap alam sekitar dan sebolehnya mengurangkan kos itu ... tidak sangat dari segi kewangan tetapi lebih kepada kesannya terhadap alam sekitar," katanya.

Perdana Menteri berkata, Sidang Kemuncak Rio pada 1992 sudah bersetuju supaya negara-negara kaya menyumbang kepada negara miskin untuk mengelakkan mereka daripada keperluan menebang pokok untuk memajukan negara dan rakyatnya.

Bagaimanapun, katanya, sumbangan itu tidak berlaku, sebaliknya pencinta alam sekitar negara kaya terutama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mereka, terus mengutuk dan bertindak terhadap pihak yang tidak mempunyai pilihan selain menggunakan sumber semula jadi mereka.

Menurutnya, negara-negara miskin, malah negara yang berpendapatan sederhana juga, mempunyai tanggungjawab untuk memajukan dan membawa kehidupan yang lebih baik kepada rakyatnya.

Selepas majlis perasmian itu, Perdana Menteri menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan lukisan poster sekolah-sekolah kebangsaan dan melancarkan Pusat Tenaga Malaysia.

(END)